

U/P: Pengurus Koridor Negeri
Koridor Utiliti Darul Ridzuan

Tarikh : 7/3/25

B-G-9 & B-G-11, Greentown Suria,
Jln Dato Seri Ahmad Said,
30450 Ipoh Perak

PER: PERMOHONAN KEBENARAN UNTUK PENANAMAN TIANG DI SUNGAI BIL

Dengan segala hormatnya, perkara di atas adalah dirujuk.

Kami, ASL Development Group Sdn Bhd, ingin memohon kebenaran bagi tujuan penanaman tiang di kawasan Sungai Bil. Penanaman tiang ini bertujuan untuk pemasangan tiang elektrik TNB di kawasan tersebut.

Lokasi spesifik bagi penanaman tiang adalah seperti berikut:

GM 968, Lot 936, Tempat Sungei Bil, Mukim Slim, Daerah Muallim, Negeri Perak.

Kami memberi jaminan bahawa segala kerja pemasangan akan mematuhi garis panduan dan peraturan yang ditetapkan oleh pihak JPS serta pihak berkuasa tempatan. Selain itu, kami bersedia untuk memberikan sebarang dokumen tambahan yang diperlukan bagi tujuan pertimbangan permohonan ini.

Oleh itu, kami berharap pihak berkaitan dapat mempertimbangkan permohonan ini dan memberikan kebenaran untuk melaksanakan kerja-kerja berkaitan. Sekiranya terdapat sebarang keperluan untuk perbincangan lanjut atau lawatan tapak, pihak kami bersedia untuk bekerjasama pada tarikh yang sesuai.

Sebarang maklum balas berkaitan permohonan ini boleh disampaikan kepada En Md Rahmat Bin Baharuddin & En Amirul di talian 017-869 5400 / 010-208 9485.

Kerjasama dan perhatian pihak tuan dalam hal ini amatlah kami hargai. Segala jasa baik pihak JPS didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian, terima kasih.

Yang benar,



(Md Rahmat Baharuddin)

Jabatan Pentadbiran

ASL Development Group Sdn Bhd

Visionary Responsible | Trust | Speed | Discipline | Bless | Care